



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



GARIS PANDUAN PENGURUSAN REKOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

**EDISI 1 2024
UNIT JAMINAN KUALITI**

**SARADATUL AKMA ABDUL RAHMAN
NORINA YADIN
IRWANDIH MAT JAILI**

GARIS PANDUAN PENGURUSAN REKOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

EDISI 1 TAHUN 2024

SARADATUL AKMA ABDUL RAHMAN
NORINA YADIN
IRWANDIH MAT JAILI

DITERBITKAN OLEH:
POLITEKNIK SANDAKAN SABAH,
EDUCATION HUB, BATU 10,
JALAN SUNGAI BATANG,
90000 SANDAKAN, SABAH
[HTTPS://WWW.PSS.EDU.MY](https://www.pss.edu.my)

Diterbitkan oleh :

Politeknik Sandakan Sabah,

Education Hub, Batu 10,

Jalan Sungai Batang,

90000 Sandakan, Sabah

<https://www.pss.edu.my>

Terbitan pertama 2024

eISBN : 978-629-99130-1-6

Salinan buku ini boleh didapati di laman Web Politeknik Sandakan Sabah (Penerbitan).

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada mana – mana bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran dari pihak penerbitan

GARIS PANDUAN PENGURUSAN REKOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

EDISI 1 TAHUN 2024

DILULUSKAN PADA : MESYUARAT PENGURUSAN AKADEMIK
POLITEKNIK SANDAKAN BIL. 1 TAHUN 2024

TARIKH DILULUSKAN 26 JANUARI 2024



.....
IRWANDIH BIN MAT JAILI

Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Sandakan Sabah

KATA PENGANTAR

Puji dan Syukur ke hadrat Allah Swt atas limpah kurniaa,taufik dan inayahNya. Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Politeknik Sandakan Sabah Edisi 1 Tahun 2024 dapat dihasilkan sesuai dengan harapannya bagi memberi kemudahan kepada keseluruhan Staf Akademik .

Garis Panduan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik Sandakan Sabah Edisi 1 Tahun 2024 ini disusun mengikut keperluan dan merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan Dokumen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital JPPKK yang telah dibangunkan pada November 2020 bertujuan memberi panduan dan keselarasan dalam penyediaan dokumen PdP di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Garis Panduan ini turut diselaraskan mengikut kesesuaian serta amalan Penyediaan Dokumen Pembelajaran dan Pengajaran yang telah dilaksanakan di Politeknik Sandakan Sabah. Garis Panduan ini merangkumi aspek persediaan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT), PdP bersemuka, penyediaan Fail Rekod Pensyarah (eFRP), Penyediaan Fail Penyelaras Kursus (eFPK) dan lain-lain yang berkaitan dengan proses PdP.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyediaan garis panduan ini. Semoga garis panduan ini dapat digunakan sebaiknya dan seterusnya meningkatkan kualiti sistem penyediaan dokumen pengajaran dan pembelajaran.

ISI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
TUJUAN	2
LATAR BELAKANG	2 - 3
SENARAI SINGKATAN	4
A. PERSEDIAAN SEBELUM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	
I. KALENDAR AKADEMIK DAN TAKWIM PDP	5
II. PERANCANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	5
III. PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)	6 - 7
IV. PENGURUSAN REKOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	8
DI POLITEKNIK SANDAKAN	
B. PENYEDIAAN MODUL i-FRP DAN FAIL eFRP	9-19
C. PENYEDIAAN FAIL PENYELARAS KURSUS (eFPK)	20 - 23
D. PENGURUSAN <i>GOOGLE DRIVE</i> BERPUSAT 1LINK UJK PSS	24
PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN	25
TARIKH KUAT KUASA	25
LAMPIRAN	26 - 56

TUJUAN

1. Garis Panduan (GP) Pengurusan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ini bertujuan untuk memberi panduan khusus bagi pensyarah di Politeknik Sandakan Sabah (PSS) dalam pengurusan rekod proses PdP merangkumi pengurusan bagi pengajian sepenuh masa.
2. Membantu pengurusan akademik dan institusi memantau serta menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti PdP.
3. Membantu institusi dalam mengekalkan kualiti serta mencapai objektif dan hasil pembelajaran PdP yang telah ditetapkan

LATAR BELAKANG

1. Garis panduan ini merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan Dokumen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital JPPKK yang telah membangunkan pada November 2020 bertujuan memberi panduan dan keselarasan dalam penyediaan dokumen PdP di Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Garis Panduan ini merangkumi aspek persediaan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT), PdP bersemuka, penyediaan Fail Rekod Pensyarah (eFRP), Penyediaan Fail Penyelaras Kursus (eFPK) dan lain-lain yang berkaitan dengan proses PdP. Sektor Akademik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memutuskan pelaksanaan aktiviti PdP dan Pentaksiran dibenarkan secara :
 - a) Pembelajaran Bersemuka Fizikal (F2F) sepenuhnya; atau
 - b) Pembelajaran Teradun melalui kombinasi PdP secara Bersemuka Fizikal (F2F) dan PdP Dalam Talian (PdPDT) mengikut kesesuaian kursus dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan.
3. Garis panduan ini diwujudkan untuk meningkatkan keberkesanan dan kualiti PdP institusi. Garis panduan diwujudkan bagi menjadi rujukan pensyarah agar keselarasan dan keseragaman dapat dihasilkan.

4. Garis panduan ini juga dijadikan sebagai rujukan utama kepada Unit Jaminan Kualiti, Politeknik Sandakan di dalam memastikan proses penyelarasan PdP lebih teratur dan mudah untuk di urus.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
CA	<i>Continuous Assessment</i> (Pentaksiran Berterusan) / <i>Coursework Assessment</i> (Pentaksiran Kerja Kursus)
CLO	<i>Course Learning Outcomes</i> (Hasil Pembelajaran Kursus)
CO	<i>Course Outline</i> (Rangka Kursus)
CORR	<i>Course Outcome Review Report</i> (Laporan Semakan Hasil Kursus)
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i>
eFPK	Fail Penyelaras Kursus (digital)
eFRP	Fail Rekod Pensyarah (digital)
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
TPA	Timbalan Pengarah Akademik
KJ	Ketua Jabatan
KPro	Ketua Program
KK	Ketua Kursus
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PJWJ	Penyelaras Jadual Waktu Jabatan
PK	Penyelaras Kursus
RPKK	Rekod Penilaian Kerja Kursus
PdPDT	Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian
SYN - PdPDT	PdPDT <i>synchronous</i>

A. PERSEDIAAN SEBELUM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

I. KALENDAR AKADEMIK DAN TAKWIM PdP

- a) Takwim PdP disediakan sebagai dokumen rujukan tarikh dan aktiviti – aktiviti yang dirancang dan ditetapkan serta sebagai rujukan pensyarah bagi pelaksanaan PdP sepanjang semester / tahun. Takwim PdP institusi dirancang mengikut panduan Kalendar Akademik yang berkuatkuasa bagi semester tersebut.
- b) Kalendar Akademik pula merujuk kepada kalendar akademik program pengajian politeknik dan kolej komuniti yang diedarkan oleh JPPKK.

II. PERANCANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

- Mengadakan mesyuarat Penyelarasan kursus bersama pensyarah (*Main/Assist*) sekiranya berkongsi kod kursus yang sama sekurang – kurangnya satu minggu sebelum PdP bermula.
- Merancang perjalanan kursus sepanjang semester merangkumi pembahagian tugas dalam penyediaan kerja kursus (*Test/Quiz/Practical Work/Case Study/End of Chapter* dan lain-lain) sewaktu mesyuarat penyelarasan kursus yang di adakan.
- Pensyarah kursus perlu mendapatkan dokumen kurikulum (*Programme Information* dan *Course Information*) bagi setiap kursus bagi merancang dan melaksana proses pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah kursus juga perlu memastikan *learning outcome* bagi kursus dapat dicapai.
- Penetapan Setting Penyelaras Kursus di sistem **spmp > ifrp** oleh Ketua Program/Ketua Kursus.
- Penyelaras kursus melakukan semakan dan penetapan template Rancangan Mengajar Semester (RMS) di **ifrp > menu daftar lesson plan/rancangan mengajar**.
- Penyelaras kursus perlu mendaftar dan mengemaskini template penilaian kursus di **ifrp > iexam** sewaktu mesyuarat penyelarasan kursus pada setiap semester.

III. PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DALAM TALIAN (PdPDT)

- a) Pelaksanaan PdPDT dilaksanakan sebagai satu kaedah *blended learning* yang diunjurkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPPKK bermula pada Sesi I:2022/2023.
- b) Pensyarah kursus diberi fleksibiliti dari segi pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran menerusi kombinasi pendekatan PdPDT secara *synchronous* untuk setiap sesi kuliah yang dijalankan jika berlaku kes tertentu (contoh : seperti pensyarah/pelajar didapati positif Covid 19 dan pensyarah berkursus).
- c) Pendekatan pembelajaran secara teradun ini juga perlu dirancang pada setiap awal semester dengan melengkapkan Borang BLDT kursus. Pensyarah kursus perlu merujuk kepada kurikulum kursus serta merancang PdPDT melalui Rancangan Mengajar (RM) berdasarkan pilihan berikut mengikut kesesuaian semasa:
 - i. PdPDT secara *synchronous*
- d) Aplikasi PdPDT secara *synchronous* yang boleh digunapakai oleh pensyarah kursus dan perlu dinyatakan dalam RM seperti berikut:
 - **PdPDT *synchronous***
 - i. Penggunaan Sidang Video untuk PdP secara langsung (*Live Teaching*);
 - ii. Aplikasi : CIDOS, *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Cisco WebEx* dan lain - lain; dan
 - iii. Perkongsian maklumat melalui platform komunikasi (*Contoh seperti WhatsApp, Telegram*)

- e) Pensyarah kursus perlu menggunakan platform CIDOS sebagai sistem pengurusan pembelajaran atau LMS yang utama untuk pengurusan PdPDT. Untuk melancarkan sesi PdPDT, LMS CIDOS boleh digunapakai bersama-sama dengan mana-mana platform komunikasi lain seperti *WhatsApp / Telegram / MS Teams* dan sebagainya.
- f) Adalah dicadangkan penggunaan singkatan berikut dalam penyediaan Rancangan Mengajar:
- i. SYN - PdPDT *synchronous*

IV. PENGURUSAN REKOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DI POLITEKNIK SANDAKAN

- a) Rekod PdP merangkumi pengurusan Modul iFRP di Sistem SPMP, Fail Rekod Pensyarah dalam bentuk digital (eFRP) dan Fail Penyelaras Kursus juga dalam bentuk digital (eFPK).
- b) Semakan eFPK / iFRP / eFRP / Rekod Penilaian Berterusan (RPB) / CQI dan bukti pelaksanaan akan dibuat sebanyak **DUA (2)** kali setiap semester oleh pegawai penyemak. (Rujuk Takwim Akademik yang berkuatkuasa).
- c) Semakan eFPK / iFRP / eFRP / Rekod Penilaian Berterusan (RPB) / CQI dan bukti pelaksanaan akan dibuat sebanyak **SATU (1)** kali pada setiap semester (minggu 8) oleh Unit Jaminan Kualiti, Politeknik Sandakan Sabah.
- d) Pemantau , semakan dan pengesahan i-FRP adalah mengikut Tatacara Pemantauan iFrp di SPMP.
- e) Semakan dan pengesahan RM, iFRP,eFRP dan eFPK adalah mengikut ketetapan berikut:

Kategori Pensyarah	Penyemak / Pengesah
Ketua Jabatan	TPA
Ketua Program / Ketua Kursus	Ketua Jabatan
Pensyarah Kursus (Semua Gred)	Ketua Program / Ketua Kursus

- f) Bagi kursus Kokurikulum, sebarang semakan dan pengesahan seperti pengesahan RM, tandatangan Surat Peringatan Ketidakhadiran adalah di bawah tanggungjawab Ketua Kursus Kokurikulum.

B. PENYEDIAAN MODUL i-FRP DAN FAIL eFRP

- a) Modul iFRP dalam Sistem SPMP merupakan sistem yang digunakan di PSS bermula sesi Jun 2017 bagi menyimpan data dan rekod berkaitan proses pembelajaran dan pengajaran pensyarah. Setiap pensyarah kursus wajib mempunyai platform iFRP.
- b) Penyediaan FRP merupakan dokumen sokongan bagi Modul iFRP pensyarah kursus dan perlu disediakan secara digital (eFRP) oleh semua pensyarah. eFRP adalah pengumpulan bahan bukti pelaksanaan proses PdP yang terdiri daripada:
- i. Borang Tumpang Kelas (Jika ada)
 - ii. Dokumen Kebenaran Ketidakhadiran Kursus
 - iii. Surat Peringatan Ketidakhadiran Pelajar (Jika ada)
 - iv. Surat dan Borang Tunjuk Sebab Ketidakhadiran (Jika ada)
 - v. Surat Penahanan Pelajar Menduduki Peperiksaan Akhir kepada Pelajar (PB<40%) (Jika ada)
 - vi. Rekod Penilaian Berterusan (RPB)
 - Sampel Penilaian Berterusan (1R, 1S, 1T)
 - Rekod Penilaian Berterusan (RPB) (semakan 1 - minggu 8)
 - Rekod Penilaian Berterusan (RPB) yang lengkap
 - vii. CQI kursus dan bukti pelaksanaan
- c) Semakan iFRP dan eFRP akan dilaksanakan mengikut Takwim Akademik yang berkuatkuasa.
- d) Tempoh simpanan eFRP adalah selama 2 semester (tidak termasuk semester semasa) dan cara penyimpanan adalah mengikut ketetapan jabatan masing-masing.

e) Rekod yang perlu disediakan, dikemaskini dan disimpan dalam iFRP eFRP adalah seperti berikut:

BIL	DOKUMEN	PERINCIAN
1	Rekod Tandatangan Semakan eFRP	➤ Dimuat naik oleh pensyarah ke dalam eFRP. (melalui penjaaan daripada sistem iFRP) ➤ Pengesahan dilakukan oleh pegawai penyemak secara digital/dicetak dan kemudian di muat naik ke eFRP mengikut ketetapan jabatan masing – masing.
2	Kalendar dan Takwim Akademik iFRP	➤ Dimuat naik dan dikemaskini oleh Unit Jaminan Kualiti mengikut semester.
3	Jadual Waktu Pensyarah iFRP	➤ Dimuat naik dan dikemaskini oleh Penyelaras Jadual Waktu
4	Struktur Program Pengajian iFRP	➤ Dimuat naik dan dikemaskini oleh Unit Jaminan Kualiti.
5	Dokumen Kurikulum iFRP	➤ Dimuat naik dan dikemaskini oleh Unit Jaminan Kualiti (UJK) ➤ Diagihkan kepada pensyarah kursus melalui sistem ifrp melalui penyelaras kualiti jabatan pada setiap awal semester.

6	Rancangan Mengajar (RM) <i>**Format adalah mengikut ketetapan dalam Sistem i-FRP</i> <i>**Panduan penulisan RM ini adalah bersifat advisory. Pensyarah kursus boleh mengubah kesesuaian kaedah penulisan refleksi tetapi masih mengikut ketetapan keperluan minima RM yang dikeluarkan oleh Unit Jaminan Kualiti. (Rujuk Lampiran 1)</i>	➤ Penetapan template dan pengemaskinian RM perlu dilakukan oleh setiap Penyelaras Kursus. ➤ Setiap pensyarah kursus perlu mengemaskini refleksi RM sepanjang semester berlangsung. ➤ Item – item yang WAJIB ada didalam refleksi RM : i. Kaedah PdP - PdP bersemuka - PdPT (<i>synchronous</i>) ii. CQI kursus iii. Penggantian Kuliah iv. Mengambil alih kursus v. <i>Teaching & Learning Activities</i> vi. Penilaian Formatif dan Sumatif (penilaian berterusan) dinyatakan dengan tarikh beserta hasil perlaksanaan. vii. Keterlibatan pensyarah pembantu ➤ CLO dan PLO perlu dinyatakan dalam RM seperti dalam Dokumen Kurikulum Kursus bagi memastikan Hasil Pembelajaran dapat dicapai. ➤ Item penilaian kerja kursus dan cadangan kaedah pelaksanaan perlu dinyatakan dalam ruangan
---	--	---

		<i>Assessment</i> oleh Penyelaras Kursus secara terperinci. Jika kaedah pelaksanaan kerja kursus berlainan, pensyarah perlu menyatakan kaedah yang digunakan serta justifikasi bagi kelas tersebut pada ruangan KPI/Notes.
7	Jadual Bengkel / Makmal / Kerja Luar <i>**Dimuat naik di sistem iFRP SPMP (Rujuk Lampiran 2)</i>	➤ Disediakan oleh pensyarah kursus bagi kursus yang mempunyai amali / praktikal di Kampus (sekiranya perlu dan mengikut kesesuaian proses PdP). ➤ Dimuat naik oleh Pensyarah Kursus ke sistem iFRP SPMP di bahagian >Dokumen <i>Student Study Guide/ Rubrik</i>.
8	Rekod Kehadiran iFRP <i>**Penyimpanan rekod kehadiran secara manual (PdP bersemuka)/ Laporan Platform CIDOS/ Laporan Google Form/ Laporan Microsoft Teams dan lain – lain di bawah tanggungjawab pensyarah kursus masing – masing.</i>	➤ Ketidakhadiran pelajar perlu dikemaskini dalam Modul i-DAFTAR oleh Pensyarah Kursus dan Pensyarah Utama (bagi kursus yang mempunyai pensyarah pembantu) setelah PdP bersemuka / PdPDT dilaksanakan.
9	Dokumen Kebenaran Ketidakhadiran Pelajar	➤ Dokumen bukti ketidakhadiran pelajar boleh di klasifikasikan kepada tiga perkara berikut : - Sijil Cuti Sakit - Surat Pelepasan Kuliah Pelajar (Positif Covid-19 dan Kontak Rapat)

		c) Memo/Surat Pelepasan Kuliah Pelajar (bertandatangan Pengarah)
		a) Sijil Cuti Sakit ➤ Pelajar yang mendapat Sijil Cuti Sakit (kerajaan) dikategorikan sebagai Kebenaran. ➤ Time slip juga dikategorikan sebagai Kebenaran (pada waktu yang dinyatakan sahaja) ➤ Pelajar yang mendapat Sijil Cuti Sakit (swasta) tidak melebihi 2 hari berturut-turut dikategorikan sebagai Kebenaran. ➤ Pelajar yang mendapat Sijil Cuti Sakit (Swasta sahaja) yang melebihi 2 hari berturut-turut (kurang dari 8 hari) perlu membuat Surat Rasmi Permohonan Pelepasan Kuliah dan diminitkan kebenaran oleh Ketua Jabatan. ➤ Pelajar yang bergejala Covid-19 perlu membuat Surat Rasmi Permohonan Pelepasan Kuliah tidak melebihi 3 hari berturut-turut dan menjalani

		Ujian Kendiri Covid-19 pada hari pertama permohonan melalui Penasihat Akademik dan diminitkan kebenaran oleh Ketua Jabatan. ➤ Kebenaran ini terpakai untuk kelas secara bersemuka sahaja. Selepas tempoh 3 hari, pelajar perlu menjalani Ujian Kendiri Covid-19 sebelum mengikuti kelas bersemuka. ➤ Salinan Sijil Cuti Sakit / Surat Rasmi Permohonan Pelepasan Kuliah memerlukan cop “Di sahkan benar” daripada Penasihat Akademik. ➤ Sijil asal disimpan oleh Penasihat akademik dan salinan sijil yang telah disahkan perlu disimpan dalam eFRP. b) Surat Pelepasan Kuliah Pelajar (Positif Covid-19) ➤ Surat Pelepasan Kuliah pelajar hanya boleh dikeluarkan oleh Ketua Unit EPR OSH. Salinan ini perlu disimpan dalam eFRP. c) Memo/Surat Pelepasan Kuliah Pelajar ➤ Memo Pelepasan Kuliah dalaman hanya boleh ditandatangani oleh Pengarah/Wakil Pengarah
--	--	---

		(mengikut ketetapan waktu) sahaja. ➤ Pelepasan Kuliah berstatus kebenaran (K) hanya boleh ditandatangani oleh Pengarah/. Wakil Pengarah (mengikut ketetapan waktu). Pelajar perlu mengisi borang permohonan kebenaran tidak menghadiri kuliah melalui penasihat akademik. Salinan ini perlu disimpan dalam eFRP. Surat Pelepasan Kuliah boleh dikeluarkan melalui Penasihat Akademik mengikut situasi tertentu : (Rujuk Lampiran 3) ➤ <i>Permohonan ketidakhadiran kuliah berstatus budi bicara adalah melalui surat rasmi. Surat rasmi ini boleh digunakan bagi membantu pelajar yang tidak mencapai status kehadiran yang memuaskan bergantung kepada keputusan Pensyarah kursus masing-masing. Salinan perlu dimasukkan kedalam eFRP. Permohonan adalah mengikut situasi tertentu :</i> (Rujuk Lampiran 4)
10	Surat Peringatan Tidak Hadir Kursus (Rujuk Lampiran 5)	➤ Carta Alir Pengurusan Surat Amaran Ketidakhadiran boleh dirujuk di Lampiran 5. Pensyarah Kursus perlu

		mengemaskini KETIDAKHADIRAN pelajar dalam Modul i-Daftar SPMP dalam tempoh masa seminggu selepas pelaksanaan kelas. ➤ Pensyarah Kursus memuat turun, menandatangani Surat Peringatan Ketidakhadiran dan diberikan di platform yang mudah untuk capaian pelajar. i. Surat asli disimpan dalam eFRP Pensyarah Kursus. ii. 1 salinan surat diserahkan kepada Penasihat Akademik pelajar. iii. 1 salinan diberi kepada ibubapa/penjaga pelajar melalui kaedah yang bersesuaian seperti Whatsapp/Telegram/ emel/ pos dll.
11	Surat dan Borang Tunjuk Sebab Ketidakhadiran (Jika ada)	➤ Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran merujuk kepada peratus kehadiran pelajar kurang 80% dari jumlah jam pertemuan perlu dikeluarkan selagi tiada bukti atau rekod status pelajar diterima oleh Pensyarah Kursus. ➤ Tarikh akhir keluar Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran adalah merujuk kepada Takwim PdP PSS.

12	Surat Penahanan Pelajar Menduduki Peperiksaan Akhir kepada Pelajar (PB<40%) (Jika ada) (Rujuk contoh surat rasmi dari UPEP)	➤ Surat Penahanan Pelajar Menduduki Peperiksaan Akhir kepada Pelajar (PB<40%) dikeluarkan pada minggu akhir penyerahan markah PB. (Rujuk Takwim PdP setiap sesi)
13	Rekod Penilaian Berterusan (PB) <i>**Format adalah mengikut ketetapan dalam Sistem i-FRP</i> **Rujuk manual tatacara semakan iFRP	➤ Dikemaskini di dalam Modul i-EXAM oleh Pensyarah Kursus / Pensyarah Pertama (bagi kursus yang mempunyai pensyarah bersama). ➤ Semua penilaian pelajar hendaklah disemak dan diberikan markah dalam masa 2 minggu selepas penilaian dilaksanakan. ➤ Pensyarah Kursus dan Pensyarah Pertama (bagi kursus yang mempunyai pensyarah bersama) perlu PAMER PB di SPMP (Rujuk Takwim Akademik yang berkuatkuasa-minggu 8) ➤ Rekod Penilaian Berterusan (PB) perlu dimuat turun dari SPMP, disemak dan ditandatangani semasa semakan pertama (rujuk Takwim Akademik). Rekod PB ini juga perlu disahkan oleh KJ/KPro/KK dan di masukkan dalam e-FRP pensyarah kursus.

		➤ Rekod PB yang lengkap dimuat turun dari SPMP, disemak dan ditandatangani selepas tamat tarikh akhir proses <i>key-in</i> markah PB. Rekod PB ini juga perlu disahkan oleh KJ/KPro/KK dan di masukkan dalam e-FRP pensyarah kursus. ➤ Salinan Rekod PB yang dimuat turun dan ditandatangani ini perlu disimpan di Jabatan masing-masing dan diselia oleh Ketua Program. <i>Nota: Penjanaan Rekod PB sama ada secara bercetak atau digital adalah berdasarkan ketetapan jabatan masing-masing.</i>
14	Sampel Penilaian Berterusan beserta rubrik pemarkahan (1R, 1S, 1T) (Rujuk Lampiran 6)	➤ Senarai Semak Senarai Sampel mengikut kursus perlu di muat naik ke dalam eFRP. (Lampiran 6) ➤ Sampel disimpan secara <i>soft copy</i> bagi semua jenis penilaian kerja kursus. ➤ Sampel boleh terdiri daripada dokumen asal atau salinan. Salinan perlu dilakukan secara sekaligus (1T,1S dan 1R) bagi setiap jenis sampel penilaian berterusan.

		➤ Jumlah sampel adalah 1 Tinggi, 1 Sederhana dan 1 Rendah bagi setiap kelas.
15	CQI Kursus dan Bukti Pelaksanaan	➤ Status Pelaksanaan dalam Borang CQI perlu dinyatakan secara terperinci dan disertakan bukti pelaksanaan CQI. ➤ Pelaksanaan CQI adalah merujuk kepada cadangan CQI Kursus serta CQI Program dan CQI Jabatan (jika berkenaan). ➤ Contoh bukti pelaksanaan CQI: i. Jawapan pelajar (sekurang-kurangnya satu) ii. Rekod kehadiran / penglibatan pelajar (sekiranya CQI dalam bengkel / taklimat) iii. Laporan pelaksanaan aktiviti

C. PENYEDIAAN FAIL PENYELARAS KURSUS (eFPK)

f) Fail Penyelaras Kursus (eFPK) perlu disediakan, dikemaskini dan diselenggara oleh Penyelaras Kursus. eFPK tidak perlu ditutup dan akan berpindah milik kepada Penyelaras Kursus baharu sekiranya berlaku perubahan terhadap Penyelaras Kursus. eFPK merupakan rujukan utama bagi setiap kursus dan perlu disimpan ditempat yang selamat.

g) Penyediaan eFPK adalah secara digital dan rekod yang perlu disimpan, dikemaskini dan diselenggara di dalam eFPK adalah seperti berikut:

Bil	Dokumen	Perincian
i	Senarai Semak Kandungan eFPK	➤ Disediakan dan dimuat naik oleh Penyelaras Kursus. Edaran contoh senarai semak melalui Penyelaras Kualiti Jabatan
1	Borang Pengesahan Semakan Fail Penyelaras Kursus	➤ Dimuat naik oleh pensyarah ke dalam eFPK. (<i>Rujuk Lampiran 7</i>) ➤ Pengesahan dilakukan oleh pegawai penyemak secara digital/dicetak dan kemudian di muat naik ke e-FPK mengikut ketetapan jabatan masing – masing. ➤ Semakan dua kali setiap semester mengikut Takwim PdP PSS yang berkuatkuasa.


2	Maklumat Penyelaras Kursus & Pensyarah	➤ Dokumen yang diperlukan adalah: i. Surat Lantikan Penyelaras Kursus / Carta Organisasi ii. Senarai Pensyarah mengajar kursus pada sesi semasa (Rujuk Lampiran 8) • Penyelaras Kursus menetapkan agihan seksyen bagi setiap pecahan kelas dan pensyarah • Pensyarah Kursus memilih seksyen yang telah ditetapkan ketika proses pilih pelajar dalam Modul i-Daftar SPMP iii. Nota Serah Tugas Penyelaras Kursus disediakan apabila berlaku perubahan penyelaras kursus (Rujuk Lampiran 9)
3	Maklumat Kursus a) Sukatan Kursus b) <i>Course Outline (CO)</i> c) Borang BLDT	➤ Sukatan Kursus boleh dirujuk pada Modul iFRP sistem SPMP. ➤ <i>Course Outline</i> dihasilkan berdasarkan dokumen kurikulum mengikut kursus. Penghasilan <i>Course Outline</i> perlu mengikut versi terkini dokumen kurikulum semasa. (Rujuk Lampiran 10 & 11) ➤ Borang BDLT dihasilkan berdasarkan perancangan pembelajaran secara teradun bagi setiap kursus. Perbincangan berkenaan perancangan pembelajaran secara teradun perlu dilaksanakan bersama pensyarah bersama sewaktu mesyuarat pelarasan kursus. Borang BLDT perlu dilakukan semakan oleh Kpro / KK / KJ sebelum di gunapakai bagi setiap semester. (Rujuk agihan Pegawai e-learning)

4	Penilaian Kursus a) JSU (CIST/TIST) b) Deraf item penilaian c) Item penilaian d) Skema penilaian	➤ JSU (CIST/TIST) i. Penyediaan JSU (CIST/TIST) adalah mengikut kursus dan perlu di muat naik ke dalam e-FPK. ii. JSU (CIST/TIST) perlulah mengandungi maklumat berikut; • Sesi semasa • Tandatangan penyediaan (penyelaras kursus) • Tandatangan pengesahan (KPro/KK/KJ) • Tarikh penyediaan iii. Perubahan JSU (CIST/TIST) adalah mengikut perubahan dokumen kurikulum. iv. JSU (CIST/TIST) perlu disediakan dan lengkap ditandatangani selewat-lewatnya sebelum minggu perkuliahan. ➤ Deraf bagi pembinaan item penilaian dan skema jawapan juga disimpan. Terkumpul dan diasingkan mengikut setiap semester. Semakan soalan oleh KPro / KK / KJ boleh dilakukan secara digital atau mengikut penetapan Jabatan masing – masing. ➤ Item Penilaian dan skema pemarkahan yang telah dilakukan semakan oleh penyemak harus di lakukan pembetulan (sekiranya ada) dan mendapat pengesahan dari KJ / Kpro / KK dan dikumpul dan di asingkan mengikut semester ke dalam eFPK.
---	---	--

5	Analisis Course Outcome Review Report (CORR) a) Minit Mesyuarat b) Course Outcome Review Report CORR (ikut kursus & Pensyarah) c) Summary Course Outcome Review Report (CORR PANATIA d) Pelaporan CQI Kursus	➤ Minit Mesyuarat penyelarasan kursus dilaksanakan sekurang – kurangnya seminggu sebelum kuliah bermula. Agenda mesyuarat merangkumi tetapan yang telah di unjurkan oleh Unit Jaminan Kualiti. (Rujuk Lampiran 12) ➤ Course Outcome Review Report CORR (ikut kursus & Pensyarah) dijana menggunakan Modul i-EXAM oleh setiap pensyarah kursus. ➤ Summary Course Outcome Review Report (CORR Panatia) dijana menggunakan Modul i-EXAM oleh setiap pensyarah kursus. ➤ Pelaporan CQI kursus dihasilkan oleh penyelarasan kursus melalui perbandingan dua semester kursus yang telah berlangsung. Pelaporan CQI di hasilkan mengikut borang perlu mengikut borang PSS/IMS/PLSP-02(09)-03 (muat turun dari CIDOS). CQI setiap kursus perlu di jalankan di semester berikutnya dengan pembuktian perlaksanaan di muat naik di e-FRP setiap pensyarah kursus.
6	Nota Kursus	➤ Nota Kursus boleh terdiri daripada slaid kuliah, nota ringkas atau rujukan buku yang digunakan. Nota Kursus / bahan pengajaran diselaraskan untuk memastikan kandungan bahan pengajaran, aras kesukaran dan kedalaman (<i>depth</i>) sesuatu topik adalah selari bagi setiap pensyarah bersama bagi setiap kursus.
7	Lain - Lain	➤ Penyimpan sebarang kertas kerja / laporan aktiviti berkaitan kursus

D. PENGURUSAN GOOGLE DRIVE UJK SECARA BERPUSAT

1. *Google Drive* yang disediakan adalah secara berpusat di Unit Jaminan Kualiti. Pihak Pengurusan atasan mempunyai akses kepada semua jabatan dan susunan adalah secara berstruktur.
2. Penyelaras Kualiti Jabatan bertanggungjawab dalam pengurusan folder / fail di jabatan. Penyelaras Kualiti akan menyediakan folder / fail bagi setiap kursus dan pensyarah di jabatan masing-masing.
3. Setiap pensyarah dan Penyelaras Kursus akan mendapat akses editor kepada folder / fail eFRP atau eFPK masing-masing. Pautan paparan Folder eFPK akan diberikan kepada semua pensyarah untuk rujukan dan akses kepada eFPK tersebut.
4. Berikut merupakan ilustrasi bagi pengurusan Folder PdP *Google Drive* UJK secara berpusat.



PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN

Garis Panduan Pengurusan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran ini diharap dapat menjadi rujukan dan panduan dalam proses penambahbaikan dan peningkatan kualiti perkhidmatan pendidikan. Penambaaikan pada garis panduan adalah tertakluk kepada perubahan dari masa – masa. Sebarang maklumbalas mengenai cadangan penambahbaikan boleh diberikan kepada Unit Jaminan Kualiti, Politeknik Sandakan Sabah.

TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa bermula Sesi I 2023/2024. Ia terpakai khusus untuk pengurusan rekod PdP / PdPDT di Politeknik Kota Kinabalu. Pelaksanaan Garis Panduan ini tertakluk kepada arahan dan garis panduan daripada pihak JPPKK.

LAMPIRAN

PANDUAN PENULISAN REFLEKSI RANCANGAN MENGAJAR (IFRP)

BIL	PERKARA	CONTOH CATATAN REFLEKSI	NOTA
1	Kaedah PdP	- Pengesahan RM oleh KP telah diterima. Proses PdP akan dilaksanakan seperti yang telah dirancang. - PdP dijalankan secara bersemuka - PdP dijalankan secara atas talian : PdPT synchronous di mana kuliah berjalan menggunakan google meet. Link: https://meet.google.com/jxr-	- Penentuan kelas secara teradun (<i>blended learning</i>) bergantung kepada perancangan di awal semester dan keadaan yang mendesak seperti kes covid pensyarah/pelajar atau pensyarah berkursus. - Pensyarah kursus perlu melengkapkan borang BLDT dan di muat naik ke fail eFRP.

2	CQI kursus	Contoh 1 CQI kursus : 1. Memperbanyak latih tubi pada topik yang merangkumi ujian dan kuiz (CLO1,PLO1) 2. Melaksanakan aktiviti pembelajaran melalui dokumentari (di muat naik di platform CIDOS) 3. Melaksanakan program PPI di bawah Sub topik 6. Tajuk PPI : xxxxxx ***perletakan CQI pada minggu perlaksanaan. Pembuktian pelaksanaan di muat naik di eFRP. Contoh 2 : • Pencapaian - terdapat 3 orang pelajar yang gagal test daripada 25 orang pelajar..dan yang lainnya mencapai markah melebihi 50% • CQI - perbincangan pada test akan dibuat dan memperbanyakkan lagi latihan pada topik 3 (bukti perlaksanaan di masukkan ke dalam eFRP)	• Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) perlu dicatatkan pada ruangan REFLECTION/NOTES. • Manakala CQI bagi kursus baharu tidak perlu dicatatkan. • Aktiviti – aktiviti bagi menjawab CQI perlu di muat naik di fail eFRP.
---	------------	--	---

